

3756/2
PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
OKTOBER
2 JAM 30 MINIT

NO. KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

PEPERIKSAAN
PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
2020

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.
 3. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
 4. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
 5. Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.
 6. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.
- Free download @soalanpercubaanspm

Kertas soalan ini mengandungi **12** halaman bercetak

Bahagian A
(60 markah)
Jawab **SEMUA** soalan

Soalan 1

a) Nyatakan dokumen sumber yang terlibat bagi pernyataan berikut:

- i) Membetulkan invois yang terkurang caj.
- ii) Bank memaklumkan kepada peniaga bahawa baki dalam akaun banknya telah dikurangkan kerana pembayaran insurans.

[2 markah]

b) Nyatakan dua Nisbah Keberuntungan.

[2 markah]

c) Nyatakan komponen kos pengeluaran berikut:

- i) Insurans Kilang
- ii) Royalti kilang

[2 markah]

d) Maklumat berikut diperolehi ketika pelupusan mesin.

	RM
Mesin (kos)	50 000
Susutnilai Berkumpul Mesin	15 000
Rugi Pelupusan Mesin	2 000

Mesin

Hitung harga ~~van~~ yang dijual semasa pelupusan.

[2 markah]

e) Maklumat yang dipetik dari Kelab Setia pada 1 Januari 2020

	RM
Tunai	8 400
Alatan Kelab	12 500
Yuran Ahli Belum Terima	260
Yuran Ahli Belum Terperoleh	120
Premis Kelab	70 000

Hitungkan dana terkumpul kelab pada 1 Januari 2020

[2 markah]

Soalan 2

Berikut adalah baki-baki lejar yang diperolehi daripada buku perniagaan Jati Enterprise pada 30 Jun 2020.

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Julai 2019		50 000
Ambilan	2 200	
Gaji	10 730	
Pinjaman bank		10 000
Faedah pinjaman	415	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	10 200	7 128
Inventori alat tulis pada 1 Julai 2019	176	
Belian alat tulis	430	
Bank		1 150
Diskaun	348	670
Tunai	653	
Kenderaan (kos)	17 000	
Lengkapan (kos)	22 000	
Susut nilai terkumpulengkapan		8 910
Inventori pada 1 Julai 2019	31 198	
Kadar bayaran	1 535	
Sewa kedai	6 750	
Belian dan Jualan	37 500	63 976
Pulangan	630	
Duti atas belian	305	
Peruntukan hutang ragu		236
	<u>142 070</u>	<u>142 070</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2020 ialah RM22 210 pada harga kos dan RM21 220 pada nilai pasaran.
- (ii) Inventori alat tulis pada 30 Jun 2020 ialah RM240.
- (iii) Nota Kredit daripada pembekal berjumlah RM300 belum dicatat dalam mana-mana buku.
- (iv) Bayaran bil elektrik rumah pemilik RM160 telah tersalah rekod ke akaun kadar bayaran perniagaan.
- (v) Polisi susut nilai:
 - Lengkapan : pada kadar 30% setahun mengikut kaedah baki berkurangan berasaskan bulan penggunaan.
 - Kenderaan : pada kadar 20% setahun mengikut kaedah garis lurus berasaskan bulan penggunaan (Kenderaan dibeli pada 1 Januari 2020).
- (vi) Kadar sewa kedai ialah RM600 sebulan.
- (vii) Pinjaman bank telah dibuat pada 1 September 2019 dengan kadar faedah 6% setahun yang dikira berasaskan bulan.
- (viii) Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. [15 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020 . [10 markah]

Soalan 3

Jenab, Ling dan Tasha adalah pekongsi dalam Perkongsian JELITA yang beroperasi di Tumpat, Kelantan. Imbangan Duga diperoleh dari buku Perkongsian JELITA pada 30 Jun 2020.

Free download @soalanpercubaanspm	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Julai 2019		
Jenab		100 000
Ling		75 000
Tasha		35 000
Akaun Semasa 1 Julai 2019		
Jenab		16 550
Ling	2 500	
Tasha		3 790
Perabot	85 000	
Kenderaan	82 000	
Susut nilai terkumpul 1 Julai 2019		
Perabot		26 000
Kenderaan		40 000
Inventori pada 30 Jun 2020		60 000
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	77 700	33 720
Simpanan tetap berkadar faedah 5% setahun	50 000	
Bank	3 440	
Untung kasar		241 250
Faedah simpanan tetap		2 250
Gaji	83 500	
Belanja Am	59 800	
Sewa	18 950	
Insurans	6 420	
Ambilan		
Jenab	16 000	
Ling	12 000	
Tasha	18 000	
Peruntukan Hutang Ragu		1 750
	<u>575 310</u>	<u>575 310</u>
	-----	-----

Maklumat Tambahan

- i. Insurans prabayar RM 490
- ii. Gaji belum bayar RM 1 500
- iii. Simpanan tetap dibuat mulai 1 Julai 2019
- iv. Seorang pelanggan didapati muflis dan hutangnya RM 1 200 dihapuskan
- v. Peruntukan hutang ragu 2% daripada Akaun Belum Terima bersih
- vi. Susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut
 - Perabot sebanyak 10% setahun secara ansuran tetap
 - Kenderaan sebanyak 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- vii. Syarat Ikatan perjanjian perkongsian seperti berikut
 - Faedah atas ambilan dikenakan 8% setahun
 - Faedah atas modal di bayar 10% setahun
 - Gaji tahunan pekongsi
 - Ling RM 4 000
 - Tasha RM 6 500
 - Untung atau rugi dikongsi mengikut nisbah 5:3:2

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 [10 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 [8 markah]
- (c) Akaun Semasa [5 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020 (Bahagian Ekuiti Pemilik) [2 markah]

BAHAGIAN B

(40 markah)

Jawab mana-mana **DUA** soalan daripada bahagian ini.

Soalan 4

- (a) Norlisa Enterprise telah menerima penyata banknya bagi bulan Ogos 2020 dan didapati terdapat perbezaan baki antara Buku Tunai dan Penyata Bank
- Berikut adalah Buku Tunai dan Penyata Bank bagi bulan Ogos 2020

Buku Tunai(ruangan bank)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No. Cek	RM
2020			2020			
Ogos 1	Baki b/b	3 068	Ogos 2	Sewa	100401	480
2	Jualan	1 654	7	Utiliti	100402	360
12	Kaza Enterprise	418	10	Belian	100403	1 180
22	Anis	335	14	Liza Trading	100404	615
29	Kedai Muthu	414	20	Chi Enterprise	100405	945
30	Jualan	1 450	27	Alisa	100406	2 355
			30	Gaji	100407	500
			31	Baki h/b		904
		7 339				7 339

PENYATA BANK

Tarikh 2020	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
Ogos 1	Baki b/b			3 588
2	Pinjaman – Perintah sedia ada	1 200		2 388
3	Cek No. 100401	480		1 908
5	Cek No. 100400	520		1 388
6	Deposit		1 564	2 952
8	Cek No. 100402	360		2 592
12	Cek No. 100403	1 180		1 412
14	Deposit		418	1 830
15	Dividen – Bayou Berhad		270	2 100
20	Cek No. 100404	615		1 485
28	Cek No. 100405	945		540
30	Deposit		1 450	1 990
30	Caj bank	20		1 970

Maklumat tambahan:

- (i) Penerimaan tunai pada 2 Ogos dan telah dibankkan pada 6 Ogos menunjukkan kesilapan catatan dalam buku tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 22 Ogos telah dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2020

[12 markah]

- (b) Afizy Trading mula menyediakan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar dengan lajur analisis alat tulis, belanja pos dan belanja am. Wang permulaan RM300 diperuntukkan sebagai dana runcit.

Berikut ialah penggunaan wang sepanjang bulan Mac 2020

	RM
Mac 1 Terima cek daripada ketua juru wang	300
6 Belanja minuman pejabat	50
10 Beli kertas A4 dan pen	35
13 Beli kipas pejabat	200
20 Bayar bil elektrik	230
22 Beli setem	10
25 Bayar upah membaiki pintu pejabat	70
27 Bayar pos laju	14

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit pada 31 Mac 2020

Free download @soalanpercubaanspm

[8 markah]

Soalan 5

Pada **1 Julai 2019**, Puan Nani memulakan perniagaan Gegar Trading dengan modal yang terdiri seperti berikut:

	RM
Tunai di bank	6 800
Premis	90 000
Lengkapan	3 700
Deposit kadar bayaran	500

Beliau tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Pada 30 Jun 2020, maklumat berikut diperolehi daripada perniagaannya:

(i) Aset dan liabiliti:

	RM
Premis	90 000
Deposit kadar bayaran	500
Lengkapan	6 200
Tunai di bank	7 560
Simpanan tetap	5 000
Inventori	11 780
Akaun Belum Terima	6 540
Akaun Belum Bayar	3 602
Sewa Belum Terima	800
Kadar bayaran Belum Bayar	240

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 31 Disember 2019, **Puan Nani** membeliengkapan RM2 500 untuk kegunaan kedai dengan menggunakan wang peribadinya.
- (ii) Sepanjang tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2020, beliau telah mengambil barang niaga RM960 dan mengeluarkan cek perniagaan RM340 untuk kegunaan keluarganya.

- (iii) Pada 31 Mac 2020, Puan Nani telah memaklumkan bahawa seorang pelanggan telah muflis dan hutangnya RM590 perlu dihapus kira sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum diambil sebarang tindakan.
- (iv) Pulangan barang niaga kepada pembekal RM375 kerana rosak belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.
- (v) Inventori pada 30 Jun 2020 telah berlaku kesilapan terlebih nilai sebanyak RM370 dan hendaklah diperbetulkan.
- (vi) Simpanan tetap sebanyak RM5 000 telah dibuat pada 1 Januari 2020 dengan kadar faedah 3% setahun. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vii) Puan Nani bercadang membuat pelarasan bagi perkara berikut:
 - (a) Susut nilai 10% setahun ke atas lengkapan
 - (b) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima bersih

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2020 [10 markah]
- (b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 [5 markah]
- (c) Akaun Modal [5 markah]

Soalan 6

Jadual di bawah menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Kasut Smart yang mengeluarkan kasut sukan.

Paras keluaran (Unit)	Jumlah kos (RM)	Jumlah hasil (RM)
2 000	250 000	154 000
4 000	340 000	308 000
6 000	430 000	462 000

Kos tetap diandaikan malar

- (a) Anda dikehendaki menghitung:
- (i) Kos berubah seunit

[2 markah]
- (ii) Jumlah kos tetap

[2 markah]
- (iii) Harga jualan seunit

[2 markah]
- (iv) Titik Pulang Modal

[2 markah]
- (v) Jumlah yang perlu dikeluarkan untuk mendapat keuntungan RM72 000

[2 markah]
- (b) Jika dalam jangka panjang, kos tetap bertambah 20%, kos berubah dan harga jualan seunit tidak berubah , hitung titik pulang modal [3 markah]
- (c) Lakarkan graf titik pulang modal berdasarkan (a) dengan menunjukkan:
- (i) Garisan jumlah kos

(ii) Garisan jumlah hasil

(iii) Titik pulang modal

[5 markah]
- (d) Berikan dua kegunaan Titik Pulang Modal [2 markah]

SOALAN TAMAT